

Polk perlu utamakan profesionalisme — PM

SUM 17 APR 2001

SHAH ALAM 16 April — Kalangan anggota polis, tentera dan pentadbir awam harus mengutamakan profesionalisme walaupun mereka mempunyai pandangan politik yang berbeza daripada kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, mereka perlu menjalankan amanah serta arahan yang diberi oleh kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Katanya, biarlah rakyat yang menentukan kedudukan sesebuah kerajaan itu sama ada hendak dikekalkan atau digantikan tetapi bukan melalui tindakan menggulingkan kerajaan.

“Jangan iadkan tindakan menggulingkan kerajaan sebagai satu budaya kerana ini akan berlaku (pula) kepada kerajaan yang didirikan itu.

“Kalaupun berjaya menggulingkan kerajaan, percayalah, mereka akan dijatuhkan dengan cara yang sama dan ia akan berterusan, satu demi satu kerajaan didirikan dan dijatuhkan,” ujarnya ketika merasmikan Persidangan Pesuruhjaya Polis, Ketua Polis dan Komander Pasukan Gerakan Am di Hotel Concorde, di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, apabila keadaan ini berterusan, negara tidak akan aman, pembangunan tidak dapat diteruskan dan semua pihak akan rugi.

Perdana Menteri berkata: “Mungkin polis dan tentera mempunyai pandangan politik mereka

sendiri tetapi mereka tiada pilihan melainkan mematuhi arahan oleh kerajaan.

“Polis sama saja mesti mematuhi arahan dan dasar yang diputuskan oleh kerajaan yang memerintah supaya pentadbiran kerajaan berjalan dengan baik.”

Jelasnya lagi, sikap serta prinsip profesionalisme yang ditunjukkan itu terbukti berjaya mengatasi banyak masalah dan membawa kepada kestabilan dan keamanan negara ini.

Terganggu

Sikap profesionalisme perlu diteruskan kerana polis, tentera dan pentadbir awam kini menghadapi cabaran lain baik dari dalam mahupun luar negara, tambahnya. Dr. Mahathir berkata, di beberapa negara terdapat pasukan polis dan tentera yang bertentangan pendapat sehingga menyebabkan segala urusan terganggu. “Alhamdulillah, di Malaysia pada umumnya tidak ada sikap tidak profesionalisme di kalangan pentadbir, polis dan tentera.

“Masing-masing tahu peranan sebab itu kita dapat laksanakan bermacam-macam kerja,” tambah beliau.

Sehubungan itu, kata Dr. Mahathir, mereka juga harus memahami konsep sistem demokrasi berperlembagaan yang banyak membawa kebaikan serta menyelesaikan masalah.

Beliau berkata, walaupun sistem demokrasi membawa

kebaikan tetapi tanpa pemahaman sebenar, ia tidak akan mendatangkan hasil dan akhirnya tidak membawa kebaikan.

Menurutnya, tanpa kefahaman akan berlaku kepincangan kerana walaupun sistem itu baik tetapi hasilnya tidak memuaskan dan kebaikan tidak boleh dinikmati seperti yang dijanjikan oleh sistem berkenaan.

“Kefahaman terhadap sistem demokrasi ini amat penting yang melibatkan bentuk kebebasan dan bukan kebebasan tanpa had,” ujarnya.

Beliau berkata, sikap profesionalisme yang ditunjukkan oleh pasukan keselamatan telah menjamin keamanan walaupun terdapat cubaan untuk mengharuk-harakan negara tetapi gagal.

Perdana Menteri menambah, prinsip profesionalisme yang dipegang itu juga terbukti berjaya menangani ancaman gerila komunis.

Jelasnya, dengan sikap profesionalisme tersebut, pasukan keselamatan dan pentadbir awam itu tidak sedikitpun terpengaruh dengan dakyah komunis.

“Saya pernah ditanya oleh Nelson Mandela (bekas Presiden Afrika Selatan) bagaimana negara kita berjaya kalahkan ancaman gerila komunis memandangkan banyak negara luar gagal berbuat demikian.

“Saya beritahu beliau, ancaman itu dikalahkan dengan profesionalisme yang ditunjukkan oleh pa-

sukan keselamatan dan pentadbir awam,” katanya.

Dr. Mahathir seterusnya mengingatkan polis, tentera dan pentadbir awam mengenai cabaran lain yang tidak dapat dikenal pasti siapa musuhnya.

Beliau berkata, ini kerana musuh dan ancaman itu tidak nampak ideologi dan pegangannya memandangkan perjuangannya tidak berbeza sangat dengan nasionalisme.

“Mereka ini antara lain cuba mendapatkan simpati dan sokongan bagi menunjukkan perjuangan mereka supaya rakyat terpengaruh,” katanya.

Perdana Menteri turut membidas media asing yang membuat rakaman video untuk menggambarkan kekerasan yang dilakukan oleh polis.

Katanya, mereka sengaja mengikut polis dalam sebarang tindakan menyuraikan rusuhan dan akan merekodkan semuanya dan ditayangkan di seluruh dunia.

“Tetapi mereka tak merakamkan para perusuh yang bertindak ganas itu, seolah-olah polis yang bertindak ganas, agenda mereka suka melihat kita huru-hara,” kata beliau.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, tanggungjawab polis adalah besar dan mereka perlu meneruskan profesionalisme kerana negara mempunyai wawasan untuk mencapai negara maju 2020.